

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL
KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status projek-projek infrastruktur asas luar bandar di Parlimen Libaran di bawah Kementerian khususnya seperti projek jalan, bekalan api dan bekalan air.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi Parlimen Libaran khususnya, sebanyak tiga (3) projek bagi Projek Jalan Luar Bandar telah diluluskan di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Projek Jalan Dandulit Ke Kg. Banting, Sandakan, Sabah telah diluluskan dengan kos sebanyak RM14.5juta. Status terkini projek adalah di peringkat pelaksanaan dengan status terkini 53.94%. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2021.

Manakala, bagi Projek Jalan Semawang Ke Tanjung Kuala Gum-Gum, Sandakan, Sabah, projek ini telah diluluskan dengan kos sebanyak RM236.7juta. Status terkini projek adalah dalam penyediaan dokumen tender dan dijangka tender pada November 2020.

Projek Membina Jalan Kg Muhibbah Sg Daling, Sabah pula telah diluluskan dengan kos sebanyak RM58.0juta. Status terkini projek adalah di peringkat lantikan perunding.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah pelaksanaan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) terdapat tujuh (7) projek di Parlimen Libaran yang telah diluluskan di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Daripada tujuh (7) projek tersebut, empat (4) projek telah pun siap dilaksanakan dan tiga (3) projek lagi dalam fasa pembinaan.

Bagi empat (4) projek yang telah siap dilaksanakan iaitu di Pulau Nunuyan menerusi pelaksanaan Projek Pemasangan Kabel Dasar Laut Voltan Tinggi 11kV Ke Pulau Nunuyan di bawah Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 1 Negeri Sabah Tahun 2016-2017. Seterusnya, penyaluran bekalan elektrik secara sistem solar

NO. SOALAN : 542

hibrid ke Kampung Pamaguan menerusi Projek BELB Secara Sistem Solar Hibrid di Empat Buah Pulau Terpencil di Negeri Sabah. Pelaksanaan projek di Kampung Dandulit, Gum-Gum dan Kampung Wawasan Desa, Sg Tiram juga telah siap dilaksanakan menerusi pelaksanaan Projek BELB Sambungan Talian Grid Khas di Daerah Kinabatangan dan Sandakan.

Bagi tiga (3) projek dalam fasa pembinaan pula iaitu di Pulau Libaran menerusi pelaksanaan Projek BELB Secara Sistem Solar Hibrid di Pulau-Pulau Terpencil di Negeri Sabah. Manakala lagi dua (2) projek iaitu di Kampung Kuala Gum Gum dan Kampung Sebit yang kini baru sahaja mula dilaksanakan di bawah pelaksanaan Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 3 Negeri Sabah Tahun 2017-2018 yang dijangka siap pada Ogos 2022 dengan tempoh pelaksanaan selama 24 bulan dari tarikh milik tapak.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, bagi pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Parlimen Libaran, Kementerian ini sedang melaksanakan dua (2) buah projek BALB. Projek yang pertama adalah Projek BALB Kg. Dandulit dan Kawasan Sekitarnya, Sandakan, Sabah dengan peruntukan sebanyak RM17 juta. Status projek ini adalah di dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada 30 September 2021 seterusnya akan memberi manfaat bekalan air terawat kepada 456 buah rumah.

Manakala, projek yang kedua adalah Projek BALB Sistem Retikulasi Negeri Sabah Zon 9 Daerah Sandakan dengan peruntukan RM11 juta. Status projek ini adalah di dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada bulan Februari 2021 dan memberi manfaat bekalan air bersih kepada 354 buah rumah.